

Petani terpaksa 'berehat' akibat kemarau

MACHANG – Musim kemarau yang melanda negeri ini memaksa sege-lintir petani terpaksa 'berehat' selepas tidak mampu mengusahakan tanaman masing-masing kerana pelbagai kekangan terutamanya ketiadaan sumber air.

Tinjauan *Kosmo!* di Paloh Rawa di sini semalam mendapati, petani di kampung tersebut sukar meneruskan aktiviti pertanian kerana air sungai berdekatan hampir kering.

Seorang petani, Zulkifli Rani, 64, berkata, ketiadaan sumber air membimbangkan ramai petani

Pada musim banjir paras air setinggi 9 meter, sekarang hanya tinggal di paras paha

Sungai Golok hampir kering

OHAI AHMAD SHADAN dan ALIA ISMAIL

RIANTAU PANJANG – Cukai juaian yang melanda negara sejak beliaulah telah menyebabkan Sungai Golok di sini yang menjadi sumber air antara Malaysia



gubernang akan dengan berjanji kaki beratus rianah merendang Suiswaria Panglima Lari Hruset, Br dier Jersel tuk Azmy Ya

KERATAN Kosmo! 1 April 2015.

kerana sukar untuk meneruskan aktiviti pertanian.

"Petani di kawasan tepi sungai di kampung Paloh Rawa bergantung kepada sungai berdekatan sebagai sumber air.

"Pada musim ini saya mengusahakan tanaman jagung dan mujurlah ia tidak memerlukan air yang banyak. Disebabkan kekurangan air, saya ter-

paksa menyiram tanam jagung selang sehari," katanya.

Katanya, kira-kira lima rakannya langsung tidak dapat mengusahakan kebun mereka apabila menghadapi pelbagai masalah termasuk sumber air dan pasir sungai yang memenuhi kawasan kebun.

Seorang lagi petani, Ah Siong, 64, berkata, dia hanya mengusahakan se-

bahagian tanah kebunnya pada musim ini disebabkan masalah sumber air.

Sementara itu, Ahli Parlimen Machang, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub berkata, beliau akan berbincang dengan agensi berkaitan pertanian dan para petani dalam menangani masalah pada musim kemarau.

Kosmo! sebelum ini melaporkan Kelantan berdepan dengan musim panas sejak dua bulan selalu sehingga menyebabkan paras air Sungai Golok yang menjadi sempadan antara Malaysia dan Thailand kini hanya tinggal pada paras paha.



ZULKIFLI menunjukkan lambakan pasir sungai di kebun miliknya yang disedut pam air selepas sungai berdekatan kekeringan air akibat kemarau di Machang semalam.